



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**  
**KOD KURSUS : DSM2153**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2023**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **13** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



Small, illegible text or markings on the left edge of the page.

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mempunyai **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Sarah merupakan seorang operator kilang. Dia dikehendaki mengendalikan mesin percetakan. Majikannya mencadangkan agar Sarah diberi latihan untuk meningkatkan lagi kemahirannya. Apakah jenis program latihan yang sesuai untuk diberikan kepada Sarah?
  - A Latihan prosedur.
  - B Latihan peringatan.
  - C Latihan perubahan sikap.
  - D Latihan pembangunan refleksi.
  
2. Apakah faedah program latihan kepada pekerja?
  - A Kadar pusing ganti pekerja yang rendah.
  - B Meningkatkan semangat pekerja untuk bekerja.
  - C Membantu pekerja mengenal pasti matlamat organisasi.
  - D Menyediakan suasana yang baik untuk pembelajaran, pertumbuhan dan penyelarasan.



3.



Gambar 1

Apakah teori latihan yang sesuai digunakan oleh majikan agar pekerjaanya mendapat anugerah seperti dalam gambar 1?

- A Teori Gestalt.
- B Teori Kognitif.
- C Teori Humanistik.
- D Teori Behaviorisme.



4. Majikan Firdaus mendapati bahawa Firdaus masih tidak mahir dalam mengendalikan mesin sehingga menyebabkan kemalangan kecil, walaupun Firdaus telah mengendalikan mesin sebanyak tiga kali.

**Pernyataan 1**

Berdasarkan pernyataan 1, apakah bimbingan yang paling sesuai diberikan kepada Firdaus?

- A Memberi bimbingan pendidikan pengendalian mesin.
- B Memberi bimbingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- C Memberi bimbingan kaunseling untuk meningkatkan prestasi.
- D Memberi bimbingan kecekapan untuk meningkatkan produktiviti.





5. Puan Suraya ialah seorang Pengurus Sumber Manusia yang ditugaskan untuk melaksanakan program latihan kepada pekerja baharu. Beliau dikehendaki membina rancangan pengajaran bagi memastikan keberkesanan program latihan tersebut.

S - Penilaian.  
T - Isu kandungan.  
U - Susunan aktiviti.  
V - Pemilihan bahan mengajar.  
W - Pembentukan program Latihan.  
X - Pemilihan kaedah penyampaian.  
Y - Masa dan perancangan perjalanan.

**Pernyataan 2**

Berdasarkan pernyataan 2, bantu Puan Suraya untuk menyediakan proses rancangan pengajaran.

- A  →  →  →  →  →  →
- B  →  →  →  →  →  →
- C  →  →  →  →  →  →
- D  →  →  →  →  →  →

6. Mengapakah sesebuah organisasi perlu membuat analisis keperluan latihan kepada pekerja?
- A Menganalisis data.  
B Mereka bentuk objektif latihan.  
C Mereka bentuk program latihan.  
D Mengetahui permasalahan yang wujud dalam organisasi.





7. Manakah antara berikut merupakan faedah penilaian keperluan latihan?
- A Membentuk objektif pusat latihan.
  - B Membantu mencapai matlamat organisasi.
  - C Membuat jangkaan terhadap implikasi sesuatu program.
  - D Membantu organisasi dalam membuat keputusan yang tepat.

8. Pilih padanan yang **betul** tentang perbezaan antara matlamat dan objektif.

	Matlamat	Objektif
A	Merupakan kenyataan khusus.	Merupakan kenyataan umum.
B	Tidak mempunyai kenyataan yang lengkap.	Mempunyai kenyataan yang lengkap.
C	Disusun atur mengikut hierarki.	Dibentuk berdasarkan keperluan latihan.
D	Menilai secara kolektif untuk menyokong pencapaian.	Menilai secara berasingan untuk menyokong pencapaian.

9. Encik Shah merupakan penceramah bagi Kursus Pembinaan Soalan Peperiksaan Akhir. Walau bagaimanapun, dalam kursus tersebut pelatih tidak diajar cara membina soalan peperiksaan mengikut aras kesukaran. Malahan isi ceramah beliau lebih menumpukan kepada cara untuk memotivasikan diri.

### Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan 3, apakah rancangan pengajaran yang tidak dipatuhi oleh Encik Shah?

- A Objektif latihan.
- B Program Latihan.
- C Tingkah laku latihan.
- D Reka bentuk latihan.






10. Apakah elemen penting yang perlu dipertimbangkan oleh Jabatan Sumber Manusia dalam menyediakan kertas cadangan pelaksanaan sesuatu program latihan?
- A Menentukan bilangan jurulatih yang diperlukan untuk menyampaikan program latihan.
  - B Menentukan bajet dan kaedah latihan khusus yang sesuai untuk digunakan dalam program latihan.
  - C Mencipta kad skor vendor untuk memberi gred kepada vendor supaya dapat memberikan tahap ketelusan dalam proses pemilihan.
  - D Menerangkan secara terperinci keperluan latihan yang diperlukan, sama ada keperluan tersebut sesuai dengan strategi latihan secara keseluruhan atau tidak.
11. Manakah antara berikut **tidak** membantu dalam mereka bentuk program latihan?
- A Pembangunan objektif latihan.
  - B Penciptaan pelan pengajaran yang memperincikan urutan kandungan latihan.
  - C Mengenal pasti kakitangan yang memerlukan latihan dalam bidang latihan yang berkaitan.
  - D Penggabungan prinsip pembelajaran ke dalam reka bentuk program latihan untuk memaksimumkan peluang untuk belajar.
12. Syarikat Penerbangan Air XY menggunakan kaedah latihan berbentuk simulasi bagi pelatih juruterbang. Pada pandangan anda, mengapakah Syarikat Penerbangan Air XY menggunakan kaedah ini?
- A Digunakan untuk bidang latihan yang berisiko tinggi.
  - B Melakonkan situasi masalah sebenar di tempat kerja.
  - C Mempunyai pelatih yang mahir sebagai pemudah cara.
  - D Persiapan disediakan dari segi model, peralatan dan bahan latihan.



13. Manakah antara berikut **bukan** kaedah latihan di luar kerja (Off-the-job)?

- A Kajian kes.
- B Arahan kerja.
- C Lakon peranan.
- D Perbincangan kumpulan.

14. Rajah 1 adalah Model Kirkpatrick's (1994) bagi merancang dan melaksanakan program latihan yang berkesan.



Rajah 1

M, L dan X mewakili

	M	L	X
A	Pemilihan tenaga pengajar yang sesuai	Penentuan jadual yang terbaik	Pemilihan peserta
B	Pemilihan peserta	Pemilihan tenaga pengajar yang sesuai	Penentuan jadual yang terbaik
C	Pemilihan peserta	Penentuan jadual yang terbaik	Pemilihan tenaga pengajar yang sesuai
D	Penentuan jadual yang terbaik	Pemilihan tenaga pengajar yang sesuai	Pemilihan peserta





15. Hairul telah berkhidmat sebagai Pembantu Sumber Manusia selama tiga tahun. Penyeliaanya mendapati bahawa beliau mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin yang baik. Oleh itu, beliau merupakan calon yang layak untuk dinaikkan pangkat.

#### Pernyataan 4

Berdasarkan pernyataan 4, apakah strategi organisasi dalam membangunkan kerjaya pekerja?

- A Memperbaiki sumber kewangan.
  - B Menawarkan pembangunan kerjaya.
  - C Menyokong latihan dan pembangunan.
  - D Menyediakan kepentingan kaunseling kerjaya.
16. Apakah perkara terakhir yang harus diberi tumpuan oleh seseorang pengurus pusat latihan?
- A Pengawasan.
  - B Perancangan strategik.
  - C Penyusunan struktur organisasi.
  - D Pengurusan dan pembangunan kerjaya.

17. Encik Fairuz merupakan seorang pembuat kek. Beliau telah dijemput untuk menyertai kursus asas pembuatan pastri. Hasil daripada penilaian di akhir kursus tersebut menunjukkan bahawa beliau telah memperoleh markah yang kurang memuaskan.

#### Pernyataan 5

Berdasarkan pernyataan 5, apakah yang perlu dilakukan oleh Encik Fairuz bagi memastikan kursus yang dilaksanakan dapat memenuhi objektif kursus?

- A Menggalakkan kecekapan membuat keputusan.
- B Menggalakkan kecenderungan penglibatan penyelia dan pelatih.
- C Menggalakkan pembelajaran secara pemahaman dan penemuan.
- D Menggalakkan prestasi pelatih melalui peningkatan kebolehan mereka.



18. 

Pengurus : “Saya perlu menghadiri kursus selama seminggu di Kuala Lumpur. Saiful, saya mahu awak menggantikan tugas saya sepanjang ketiadaan saya ini” Ahmad : “Baik tuan. Saya akan buat yang terbaik”
--

**Dialog 2**

Berdasarkan situasi di atas, apakah teknik yang digunakan oleh majikan tersebut?

- A Mengikat janji.
  - B Tindakan susulan.
  - C Pemindahan melalui prinsip.
  - D Mempertingkatkan unsur serupa.
19. Penilaian model latihan dibangunkan oleh
- A David Kickmatrix.
  - B David Kirkpatrick.
  - C Donald Kickmatrix.
  - D Donald Kirkpatrick.
20. Bagaimanakah model perubahan Kurt Lewin dapat memberi kesan positif kepada penilaian prestasi pekerja?
- A Menetapkan objektif latihan yang hendak dinilai.
  - B Mengerakkan organisasi atau kakitangan ke arah yang lebih baik.
  - C Memindahkan apa yang diperolehi semasa latihan ke tempat kerja.
  - D Mengetahui setakat mana pelaksanaan program latihan yang telah mencapai objektif.

**[40 MARKAH]**

• •

• •



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada buku jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Encik Faiq bercadang untuk mengadakan program latihan kepada pekerjaanya pada bulan hadapan. Walau bagaimanapun, beliau perlu mengkaji terlebih dahulu program latihan tersebut untuk memastikan objektifnya tercapai. Bantu Encik Faiq untuk mendapatkan **empat (4)** teknik yang boleh digunakan untuk menganalisis keberkesanan program latihan berkenaan.

(8 markah)

b.

Puan Nelissa merupakan seorang Pegawai Latihan di Syarikat QWG. Beliau telah diminta oleh majikannya untuk membina objektif bagi program latihan dalam kalangan pekerja syarikat itu.

**Pernyataan 6**

Berdasarkan pernyataan 6, cadangkan komponen yang perlu dipertimbangkan oleh Puan Nelissa sebelum membina objektif program latihan tersebut?

(12 markah)



## SOALAN 2

- a. Pengarah Syarikat Dealing Malaysia mencadangkan satu program keusahawan kepada staf di bahagian pemasaran. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan pembangunan kerjaya staf bahagian berkenaan selepas bersara. Oleh itu, anda diminta untuk menyediakan pelan sukatan pembelajaran program latihan bagi pelaksanaan program berkenaan.

(10 markah)

b.

Poster 1

Berdasarkan poster 1, apakah **dua (2)** teknik latihan yang sesuai digunakan oleh penganjur program bagi memastikan latihan itu berkesan?

(10 markah)

• •

• •





**SOALAN 3**

- a. Puan Salwa bekerja sebagai Pengurus Sumber manusia di sebuah Kilang Batu Marmar Sdn. Bhd. Sebelum ini, pengurusan cuti pekerja operasi syarikat tersebut dilakukan secara manual. Pihak syarikat bercadang menukar proses pengurusan cuti pekerja secara manual kepada sistem baharu yang lebih memudahkan semua pihak. Bagaimanakah Puan Salwa boleh memastikan pekerja dapat menyesuaikan diri dengan proses perubahan sistem berkenaan?

(10 markah)

- b. Encik Nadzmi telah bekerja sebagai Kerani Operasi selama lima tahun. Penyeliannya mencadangkan kepada pihak Jabatan Sumber Manusia agar Encik Sabri dinaikkan pangkat kepada Penolong Pegawai Operasi. Apakah yang perlu dilalui oleh Encik Nadzmi dalam pembangunan kerjaya beliau sebelum proses kenaikan pangkat dilaksanakan?

(10 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

